



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/08/110 (HQ)

TNBtemujanji, PERKHIDMATAN JANJI TEMU KEDAI TENAGA TNB DALAM TALIAN

- Perkhidmatan dengan nilai tambah yang memperkasakan pelanggan
- Mengurangkan masa menunggu untuk kawalan kumpulan orang ramai yang lebih baik di Kedai Tenaga

Pelanggan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** kini boleh mengurangkan waktu menunggu untuk melakukan sebarang transaksi di Kedai Tenaga menerusi perkhidmatan janji temu dalam talian baru iaitu TNBtemujanji.

TNBtemujanji yang mula diperkenalkan pada 28 Jun 2021, adalah satu platform digital dengan nilai tambah yang membolehkan pelanggan membuat janji temu di 117 daripada 123 Kedai Tenaga di Semenanjung Malaysia. Kedai Tenaga yang selebihnya pula akan mula menggunakan perkhidmatan ini menjelang hujung bulan ini.

Pelanggan hanya perlu melayari portal myTNB (www.mytnb.com.my/TNBtemujanji) untuk memilih Kedai Tenaga pilihan mereka dan menetapkan tarikh serta waktu lawatan. Pelanggan boleh memilih tarikh janji temu sekurang-kurangnya satu hari bekerja lebih awal dan menjadual semula janji temu mengikut keselesaan mereka.

“Ia adalah penting di TNB untuk kami menawarkan lebih banyak nilai tambah kepada pelanggan, sejajar dengan usaha kami dalam meneroka cara-cara baharu bagi memberikan kemudahan yang lebih baik untuk pelanggan berinteraksi,” kata Ketua Pegawai Retail (Chief Retail Officer) TNB, Datuk. Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.

“Meskipun kami giat mendigitalkan pelbagai pilihan interaksi yang ditawarkan di Kedai Tenaga ke dalam platform myTNB bagi memberikan sokongan yang lebih baik kepada pelanggan, kami juga memahami bahawa terdapat pelanggan yang lebih suka untuk berinteraksi dengan kami secara bersemuka.

“Dengan adanya platform dalam talian bagi membuat janji temu, pelanggan dapat merancang jadual mereka dengan lebih baik berbanding terpaksa menunggu lama bagi giliran mereka. Ini juga adalah antara langkah keselamatan bagi melindungi pelanggan dan pekerja kami menerusi kawalan kumpulan yang lebih baik di Kedai Tenaga semasa pandemik ini.”

Sejak diperkenalkan, TNBtemujanji telah menerima sambutan yang menggalakkan dengan lebih 4,600 janji temu telah dibuat. Selangor, Kuala Lumpur dan Johor adalah tiga negeri yang menerima permohonan janji temu tertinggi.

TNBtemujanji menawarkan semua jenis transaksi yang boleh dilakukan di Kedai Tenaga termasuk permohonan bekalan, pembayaran balik deposit dan menyelesaikan isu pengebilan. Waktu janji temu boleh dipilih dari slot masa setiap 30 minit bermula dari jam 9:00 pagi sehingga 30 minit sebelum waktu operasi Kedai Tenaga berakhir. Sejurus selepas janji temu dibuat, pelanggan akan menerima satu notifikasi pengesahan menerusi emel dan SMS berserta kod QR janji temu sebagai rujukan.

Apabila pelanggan berada di Kedai Tenaga yang dipilih bagi janji temu, mereka hanya perlu menunjukkan kod QR tersebut kepada pegawai Perkhidmatan Pelanggan. Pelanggan digalakkan untuk membawa bersama kad pengenalan dan bil elektrik mereka (salinan digital dari myTNB atau salinan fizikal).


“Bagaimanapun, kami mengalakkan semua pelanggan untuk mengambil langkah berjaga-jaga semasa pandemik ini dan memanfaatkan platform myTNB sebaik mungkin bagi mengurangkan interaksi bersemuka yang tidak penting. Platform yang mudah digunakan dan mesra pengguna ini, memperkasa pelanggan untuk mengurus akaun mereka pada bila-bila masa, di mana jua,” tambah Megat.

Aplikasi myTNB ini boleh dimuat turun dari Google Play, Apple App Store dan Huawei AppGallery manakala portal myTNB boleh dilayari di pautan www.mytnb.com.my. Bagi pertanyaan lanjut mengenai TNBtemujanji atau myTNB, hubungi TNB CareLine di talian 1-300-88-5454 atau emel kepada tnbcareline@tnb.com.my.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 17 Ogos 2021, jam 11:00 pagi
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Ketua Pegawai Retail (Chief Retail Officer) TNB,
Datuk. Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan



TNBtemujanji, perkhidmatan baru janji temu Kedai Tenaga TNB dalam talian myTNB portal